

A Pilih jawapan yang paling sesuai.

TPI 2 3 4 5 6
SITI

1



_____ saya bernama Guan Hong. Kami belajar di SJK Chung Hua.

- A Bapa
- B Datuk
- C Pak cik
- D Sahabat

2 "Penduduk bekerjasama membersihkan kampung _____," kata ketua kampung.

- A putih seperti kapas
- B bagai isi dengan kuku
- C bagai aur dengan tebing
- D bagai menatang minyak yang penuh

3

Kawan-kawan, mari kita sertai pertandingan nyanyian yang diadakan di Balai Raya Taman Murni.



Pilih ayat yang **sama maksud** dengan situasi di atas.

- A Kawan-kawan mengajak Wei Han pergi ke Balai Raya Taman Murni.
- B Wei Han dan kawan-kawannya pergi ke Balai Raya Taman Murni pada hari esok.
- C Wei Han mengajak kawan-kawannya menyaksikan pertandingan nyanyian di Balai Raya Taman Murni.
- D Wei Han mengajak kawan-kawannya menyertai pertandingan nyanyian yang diadakan di Balai Raya Taman Murni.

B Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

2111 TP 1 2 3 4 5 6
5111

SJKC Chung Hua akan mengadakan pertandingan nyanyian berkumpulan pada 23 Februari 2023. Pertandingan ini dianjurkan oleh Kelab Muzik SJKC Chung Hua.

Pertandingan ini dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Tahap 1 dan Tahap 2. Murid-murid Tahun 1, 2 dan 3 boleh menyertai pertandingan nyanyian kategori Tahap 1, manakala murid-murid Tahun 4, 5 dan 6 menyertai pertandingan nyanyian kategori Tahap 2.

Johan pertandingan akan mendapat wang tunai RM100, trofi dan baucar Karaoke Neway yang bernilai RM100. Murid-murid yang berminat boleh berjumpa dengan Cikgu Lee untuk membuat pendaftaran. Pendaftaran perlu dibuat sebelum 23 Januari 2023.

1 Pertandingan nyanyian berkumpulan dianjurkan oleh _____

2 Wei Han berumur 10 tahun. Dia perlu menyertai pertandingan kategori _____

3 Gariskan kata nama am yang terdapat dalam ayat di bawah.

Murid-murid yang berminat boleh berjumpa dengan Cikgu Lee untuk membuat pendaftaran.

4 Wei Han dan sahabatnya ingin menyertai pertandingan nyanyian berkumpulan. Apakah yang perlu dilakukan sebelum mereka menyertai pertandingan nyanyian?

C Grafik di bawah menunjukkan salah satu aktiviti yang dilakukan bersama-sama sahabat kamu.

Tuliskan pendapat kamu tentang aktiviti-aktiviti lain yang boleh kamu lakukan bersama dengan sahabat kamu dan kebajikannya.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.



Pentaksiran Formatif

Unit 2: Jiran Sepakat

A Pilih jawapan yang paling sesuai.

2.2.1 TP 1 2 3 4 5 6
5.1.1(ii)

1 Perkataan berikut ialah kata nama khas, **kecuali**

- A sahabat.
- B Si Comel.
- C Pulau Langkawi.
- D SJKC Chung Hua.

2 Penduduk Taman Murni menganjurkan aktiviti gotong-royong di Taman Murni.

Perkataan *menganjurkan* bersinonim dengan _____.

- A menghiaskan
- B mengadakan
- C merasmikan
- D menyiapkan

3 Komuniti Taman Sutera telah menganjurkan _____ untuk membersihkan kawasan persekitaran taman.

- A Hari Sukan
- B Hari Terbuka
- C Hari Kecemerlangan
- D Hari Keceriaan Taman

4 Pilih ayat yang **betul**.

- A Najwa dan keluarganya akan bercuti di langkawi.
- B Najwa mengunjungi rumah Mei Feng yang terletak di hujung Jalan Dahlia.
- C Najwa meminta bantuan daripada Mei Fung untuk menjaga kucingnya, si gebu.
- D Najwa dan keluarganya menaiki kereta berjenama proton iriz ke Terminal Feri Kuala Perlis.

B Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

1.1.2	TP 1	2	3	4	5	6
2.1.1	TP 1	2	3	4	5	6
3.2.3	TP 1	2	3	4	5	6

Pada hari Sabtu yang lalu, saya telah menyertai aktiviti gotong-royong yang dianjurkan oleh SJKC Chung Hua. Aktiviti gotong-royong dijalankan dari pukul 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Aktiviti gotong-royong ini dirasmikan oleh Yang Dipertua PIBG, Encik Khoo Ming Jun. Aktiviti ini diadakan untuk membersihkan kawasan sekolah, di samping memupuk semangat kerjasama dalam kalangan murid.

Kami berkumpul di dewan sekolah pada pukul 8.00 pagi. Kami juga diingatkan supaya membawa peralatan yang sesuai seperti kain, baldi, penyapu dan sebagainya. Cikgu Lee, guru bertugas memberikan taklimat kepada kami supaya kami memahami tugas masing-masing. Selain itu, beliau membahagikan kami kepada beberapa kumpulan. Selepas itu, aktiviti gotong-royong bermula.

Aktiviti gotong-royong berakhir pada pukul 12.00 tengah hari. Murid-murid diberikan makanan tengah hari sebelum pulang ke rumah.

1 Aktiviti gotong-royong dianjurkan oleh _____

2 Aktiviti gotong-royong ini dirasmikan oleh siapa?

3 Tuliskan respons.



4 Apakah aktiviti yang dijalankan semasa gotong-royong?

C Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

Jiran kamu telah melancong ke luar negara. Dia meminta bantuan kamu untuk menjaga kebersihan halaman rumahnya. Namun demikian, seekor kucing telah menjatuhkan pasu bunga jiran. Dedaun juga bertaburan di halaman rumah.

Apakah yang akan kamu lakukan?
